



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Perubatan UKM

UKM Medical Centre

UKM HTM.3/224/2/4 JLD 2

21 APRIL 2015

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 9/2015

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pengurus-Pengurus Jururawat
Pusat Perubatan UKM

YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**POLISI CAJ PERKHIDMATAN RAWATAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ,
PUSAT PERUBATAN UKM**

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.


Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 2/2014 bertarikh 16 Disember 2014 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 1/2015 bertarikh 28 Januari 2015 telah bersetuju meluluskan polisi caj perkhidmatan rawatan seperti berikut :

- i. Pembayaran deposit ke atas alat-alat perubatan (rujuk lampiran 1).
- ii. Perubahan polisi pengenaan caj alat-alat perubatan bagi pesakit kategori kakitangan dan pesara kerajaan serta tanggungan (rujuk lampiran 2).
- iii. Perubahan polisi caj wad dan caj rawatan bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (rujuk lampiran 3).
- iv. Perubahan polisi pengenaan caj kepada pesakit bukan warganegara Malaysia adalah pada kadar 10% tambahan dari jumlah kos. Ia meliputi semua perkhidmatan rawatan yang disediakan. Mana-mana rawatan yang tidak mempunyai anggaran kos, caj dua (2) kali ganda akan dikenakan seperti polisi sedia ada.
- v. Pengurangan caj sebanyak 50% daripada caj wad dan caj rawatan sedia ada akan diberikan kepada **pesakit yang discaj dan tiba di kaunter Hasil Jabatan Kewangan** di antara **jam 12 tengahari sehingga jam 2 petang** (Rujuk lampiran 4 bagi contoh kes).
- vi. Kadar caj bagi dua puluh satu (21) jabatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM (rujuk lampiran 5).

Bersesuaian dengan itu, pelaksanaan polisi caj perkhidmatan rawatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Mei 2015**. Kesemua perubahan kadar caj ini dapat dilihat di Modul Perakaunan Pesakit (PA), CHETs. Permohonan akses bagi mereka yang terlibat di dalam pengendalian caj pesakit boleh dibuat ke Unit Akaun, Jabatan Kewangan.

Sekian, perhatian dan makluman YBhg Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan terima kasih.

Yang benar,



RABIAH BINTI HJ ARHAM

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

Pusat Perubatan UKM

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan-Timbalan Dekan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Fail Edaran

POLISI CAJ PEMBAYARAN DEPOSIT KE ATAS ALAT-ALAT PERUBATAN

BIL.	ALAT-ALAT YANG DIPINJAMKAN***	KADAR DEPOSIT (RM)	POLISI PENGENAAN CAJ
1.	Cooler Bag	100.00	Deposit berbayar penuh tanpa mengira status pesakit : i. Percuma (cth : Kakitangan Kerajaan, Pesara, Tanggungan dan lain-lain) ii. Awam Dewasa iii. Warga Tua iv. Bukan Warganegara
2.	Pen Injection	100.00	
3.	External Fixator	1,000.00	
4.	Alat-alat Bantuan Pendengaran	3,000.00	

*** Pengambilan deposit penuh mengikut harga kos alat akan dikenakan kepada semua jenis alat-alat perubatan.

*** Deposit alat-alat tersebut akan lupus sekiranya alat tidak dikembalikan selepas tempoh guna yang ditetapkan, berlaku kehilangan dan kerosakan kepada alat.

*** Polisi ini tidak tertakluk pada senarai alat di atas sahaja.

**PERUBAHAN POLISI CAJ KE ATAS ALAT-ALAT PERUBATAN BAGI KAKITANGAN KERAJAAN DAN
PESARA KERAJAAN SERTA TANGGUNGAN**

ALAT	KADAR DEPOSIT (RM)	POLISI PENGENAAN CAJ
Alat-alat Kardiologi	Kos + 10%	Pengenaan deposit pada kos alat + 10% adalah seperti berikut : a) Kategori Percuma i. Kakitangan Kerajaan dan Pesara Kerajaan - Berbayar ii. Tanggungan Kakitangan Kerajaan dan Pesara Kerajaan - Berbayar iii. Kakitangan UKM - Percuma (Tertakluk kepada kakitangan mendapatkan Surat Kelulusan daripada Jabatan Pendaftar untuk pihak Jabatan Kewangan membuat tuntutan kepada majikan) iv. Kakitangan PPUKM - Percuma (Tertakluk kepada kakitangan mendapatkan Surat Kelulusan daripada Jabatan Pentadbiran Am untuk pihak Jabatan Kewangan membuat tuntutan kepada majikan) v. Lain-lain kategori percuma - Berbayar b) Awam Dewasa - Berbayar c) Warga Tua - Berbayar d) Bukan Warganegara - Berbayar

*** Deposit yang dikenakan ke atas alat-alat kardiologi **akan dikembalikan** sekiranya terdapat pengesahan daripada pakar perubatan/pegawai perubatan bahawa prosidur/pembedahan tersebut tidak dijalankan.

*** Kadar deposit alat di atas akan dikenakan mengikut kos alat sebenar + 10% pada masa hadapan yang ditetapkan.

**PERUBAHAN KADAR CAJ WAD DAN CAJ RAWATAN BAGI PELAJAR
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)**

BIL.	PERKARA	PERUBAHAN KADAR CAJ (RM)		JUSTIFIKASI
		WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	
1.	Caj Wad	40.00	80.00	i. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menggunakan surat jaminan dari Pusat Kesihatan Pelajar serta tertakluk kepada Skim Kesihatan Pelajar. ii. Menyelaraskan semula dan menggunakan kadar caj wad dan rawatan sedia ada yang dikenakan ke atas pesakit awam dewasa.
2.	Caj Rawatan	50.00	100.00	

PENGIRAAN CAJ WAD DAN CAJ RAWATAN BAGI PESAKIT YANG DISCAJ DAN TIBA DI KAUNTER JABATAN KEWANGAN DI ANTARA JAM 12 TENGAHARI SEHINGGA 2 PETANG

Contoh Kes 1 :

TARIKH MASUK	WAKTU MASUK	TARIKH KELUAR	KIRAAN JUMLAH HARI	WAKTU DISCAJ & TIBA DI KAUNTER JABATAN KEWANGAN
3 Mac 2015	10.00 pagi	4 Mac 2015	2 Hari	1.00 tengahari
PELAKSANAAN SEMASA Caj wad (Dewasa) = RM40.00 Caj rawatan (Dewasa) = RM50.00 Jumlah caj = RM90.00 x 2 HARI = RM180.00				
PELAKSANAAN MULAI 1 MEI 2015 Caj wad (Dewasa) = RM40.00 Caj rawatan (Dewasa) = RM50.00 (Kiraan jumlah hari = 1 hari setengah) Caj pada 3 Mac 2015 = RM40.00 + RM50.00 = RM90.00 Caj pada 4 Mac 2015 = RM20.00 + RM25.00 = RM45.00 Jumlah caj = RM60.00 + RM75.00 = RM135.00				

Contoh Kes 2 :

TARIKH MASUK	WAKTU MASUK	TARIKH KELUAR	KIRAAN JUMLAH HARI	WAKTU DISCAJ & TIBA DI KAUNTER JABATAN KEWANGAN
8 April 2015	8.30 pagi	9 April 2015	2 Hari	3.00 petang
PELAKSANAAN SEMASA DAN PADA 1 MEI 2015 Caj wad (Dewasa) = RM40.00 Caj rawatan (Dewasa) = RM50.00 Jumlah caj = RM90.00 x 2 HARI = RM180.00 *** Hari discaj pada 9 April 2015 dikira sebagai satu (1) hari penuh kerana telah melebihi tempoh diskaun (jam 2.00 petang).				

Contoh Kes 3 :

TARIKH MASUK	WAKTU MASUK	TARIKH KELUAR	WAKTU DISCAJ	KIRAAN JUMLAH HARI	WAKTU TIBA DI KAUNTER JABATAN KEWANGAN
12 Jan 2015	9.45 pagi	13 Jan 2015	11.30 pagi	2 Hari	2.20 petang
PELAKSANAAN SEMASA DAN PADA 1 MEI 2015 Caj wad (Dewasa) = RM40.00 Caj rawatan (Dewasa) = RM50.00 Jumlah caj = RM90.00 x 2 HARI = RM180.00 *** Hari discaj pada 13 Januari 2015 dikira sebagai satu (1) hari penuh kerana waktu tiba di kaunter Jabatan Kewangan telah melebihi tempoh diskaun (jam 2.00 petang).					

KADAR CAJ BAGI DUA PULUH SATU (21) JABATAN

BIL.	JABATAN	LAMPIRAN
1.	Unit Medically Assisted Conception (MAC)	A
2.	Jabatan Anestesiologi & Rawatan Intensif	B
3.	Jabatan Oftalmologi	C
4.	Jabatan Psikiatri	D
5.	Jabatan Pengimejan Molekul dan Perubatan Nuklear	E
6.	Jabatan Perubatan	F
7.	Jabatan Pediatrik	G
8.	Unit Endovascular Interventional Radiology (EIR)	H
9.	Jabatan Otorinolaringologi	I
10.	Jabatan Ortopedik	J
11.	Jabatan Surgeri	K
12.	Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan	L
13.	Jabatan Radiologi	M
14.	Pusat Perkhidmatan Endoskopi	N
15.	Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial	O
16.	Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik	P
17.	Jabatan Obstetrik dan Ginekologi	Q
18.	Jabatan Radioterapi dan Onkologi	R
19.	Jabatan Perubatan Kecemasan	S
20.	Jabatan Perubatan Keluarga	T
21.	Jabatan Pengurusan Kejururawatan	U